

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, January 2, 2020 2:34 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Penjawat Utama Pikul Tanggungjawab Baru Laksana Agenda Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 JANUARI 2020 / 6 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PENJAWAT UTAMA PIKUL TANGGUNGJAWAB BARU LAKSANA AGENDA UNIVERSITI



UUM ONLINE: Penerimaan watikah pelantikan penjawat utama bagi tahun 2020 diharapkan akan dapat membantu Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menjayakan agenda universiti yang telah dirancang.

Pegawai Tadbir, Mohd Fairus Abd Majid berkata, beliau berterima kasih kepada Naib Canselor dan pengurusan universiti kerana memberikan kepercayaan lagi kepadanya untuk menggalas tanggungjawab sebagai pengetua di dua Inapan Siswa (INASIS) mulai tahun ini.

Menurutnya, walaupun tanggungjawab semakin bertambah, namun ia bukan alasan untuk tidak menjalankan amanah diberikan dan beliau yakin dengan adanya juga kerjasama daripada pelajar sudah pasti tanggungjawab itu akan dipermudahkan.

"Tahun ini, saya telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan dua INASIS iaitu Petronas dan Sime Darby, justeru saya perlu bekerja lebih kuat serta fokus untuk membangunkan pelajar seperti yang dihasratkan Naib Canselor terutamanya dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan dan pembangunan serta kemahiran dapat dipindahkan kepada pelajar secara menyeluruh bagi melahirkan pelajar yang lebih cemerlang.

"Tanggungjawab kali ini adalah lebih berat kerana jumlah pelajar semakin bertambah apabila menjaga dua INASIS, namun sekiranya saya dapat menguruskan masa dan mempunyai sokongan pelajar juga, saya percaya perkara yang diamanahkan ini adalah tidak mustahil untuk dilakukan," katanya pada Majlis Amanat Naib Canselor dan Penyampaian Watikah Pelantikan Penjawat Utama UUM di EDC Hotels & Resorts, semalam.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya (CDC), Dr. Herman Shah Anuar merakamkan terima kasih di atas kepercayaan pihak pengurusan kerana memberikan amanah baru untuk menerajui CDC.

Katanya, beliau akan cuba melaksanakan agenda universiti sebaik mungkin dan berharap UUM akan lebih cemerlang dalam tahun 2020 yang mencabar ini.

Manakala Pengarah Pusat Budaya dan Seni (PBS), Dr. Mohd Noor Abdul Hamid berkata, untuk 2020 ini beliau akan meningkatkan aspek-aspek budaya terutamanya kebudayaan dari negeri Kedah untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

Seramai 110 penjawat utama universiti telah menerima watikah pelantikan masing-masing yang disampaikan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani, diikuti bacaan ikrar yang diketuai Dr. Herman Shah Anuar.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.